

14 JAN 2003

Polis-JI

POLIS SENTIASA PANTAU KEGIATAN KUMPULAN JI

PULAU PINANG, 14 Jan (Bernama) -- Polis sentiasa memantau kegiatan anggota-anggota kumpulan Jemaah Islamiah (JI) di negara ini dan akan bertindak menahan mereka apabila tiba masanya, kata Timbalan Ketua Polis Negara Tan Sri Mohd Jamil Johari hari ini.

"Kita telah kenal pasti mereka dan akan tahan apabila tiba masanya," katanya kepada pemberita selepas melawat Markas Unit 3 Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) di sini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa ada kemungkinan lebih ramai anggota kumpulan terbabit akan ditahan oleh polis tidak lama lagi.

Mohd Jamil berkata usaha mengawasi gerak-geri anggota JI adalah satu proses berterusan kerana ia adalah kes pergerakan sebuah pertubuhan.

Pada Ahad lepas, polis menahan dua guru sekolah agama di Sandakan, Sabah kerana dipercayai anggota JI.

Dalam perkembangan lain, Mohd Jamil berkata polis sedang mengkaji untuk mewujudkan unit khusus bagi menjalankan tugas acara-acara rasmi negara.

Beliau berkata unit itu perlu diwujudkan kerana Malaysia kerap menganjur dan menjadi tuan rumah pelbagai acara dan persidangan antarabangsa.

Cadangan membesarkan pasukan polis dengan mewujudkan unit baru itu terkandung dalam rancangan pembangunan polis dan ia sedang dikaji, katanya.

Mengenai persiapan kawalan keselamatan sempena Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) di Kuala Lumpur, Mohd Jamil berkata polis giat menjalankan latihan dan yakin keselamatan terjamin sepanjang mesyuarat itu berlangsung pada 20 hingga 25 Feb ini.

-- BERNAMA

AZE NAK